

# RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

# CLOPIDOGREL TICLOPIDINE



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



*Adding years of healthy life*



A member of the NUHS



A member of the NUHS



Ju



SINGHEALTH / PIL / M130R0

## MENGENAI ubat anda

Ticlopidine dan clopidogrel digunakan untuk mengurangkan peluang mendapat serangan stroke. Ubat-ubat ini diberikan kepada orang yang sudah mendapat stroke serta orang yang mempunyai penyakit-penyakit tertentu yang mungkin membawa kepada stroke.

Stroke boleh berlaku apabila aliran darah kepada otak dihalang oleh bekuan darah. Ticlopidine dan clopidogrel kedua-duanya mengurangkan kemungkinan pembentukan bekuan darah yang merbahaya. Namun, ia mungkin meningkatkan peluang bagi seseorang untuk mengalami pendarahan yang teruk.

Sebelum penggunaan ubat ini, beritahu doktor anda jika:

- anda ada alahan terhadap ticlopidine atau clopidogrel.
- anda sedang hamil atau sedang menyusui anak.
- anda akan menjalani pembedahan (termasuk pembedahan gigi), kerana terdapat peningkatan risiko kehilangan darah.
- menghidapi penyakit-penyakit lain, seperti:
  - Platelet darah yang rendah (thrombocytopenia)
  - Hemofilia
  - Penyakit hati
  - Penyakit buah pinggang
  - Baru menjalani pembedahan

## BAGAIMANA untuk saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada tahap kesakitan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda. Ambil ubat ini selepas makan untuk mengelakkan sakit perut.

Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara yang betul untuk mengambil ubat anda.

## Apa yang patut saya lakukan jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila jumpa doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mempunyai sebarang kesan sampingan berikut:

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi

- Tindakan alahan – kegatalan atau urtikaria, kebengkakan muka atau tangan, kebengkakan atau perasaan menyucuk pada mulut atau tekak, dada rasa ketat atau sukar bernafas
- Ruam kulit, lepuh dan kulit mengelupas
- Kencing yang berwarna gelap atau najis yang kelabu
- Demam, menggilil, kesakitan tekak
- Kebas-kebas, perasaan menyucuk, atau perasaan sakit terbakar pada tangan, bahu, atau kaki anda
- Tompok-tompok merah pada kulit
- Cirit birit yang teruk, mual, muntah, kehilangan selera makan atau kesakitan di bahagian atas perut
- Pendarahan luar biasa, lebam atau kelemahan
- Kekuningan kulit atau mata

Berbincang dengan doktor anda jika anda mempunyai masalah dengan kesan-kesan sampingan yang ringan seperti berikut:

- Perut berangin, kesakitan atau tidak selesa
- Kepeningan
- Cirit-birit ringan, mual, muntah, kehilangan selera makan
- Ruam kulit yang ringan

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Ubat ini boleh mengurangkan bilangan sesetengah jenis sel-sel darah dalam badan anda. Disebabkan kesan ini, anda mungkin mendapat lebam atau pendarahan dengan lebih mudah. Adalah penting untuk anda melakukan ujian-ujian darah semasa pengambilan ticlopidine atau clopidogrel untuk memantau kesan-kesan sampingan supaya ia tidak berlaku. Doktor anda akan menentukan masa untuk ujian-ujian darah. Pastikan anda tidak lupa akan tarikh untuk ujian-ujian tersebut. Selepas 3 bulan pertama rawatan, anda tidak perlu menjalani ujian-ujian darah dengan begitu kerap.

Beritahu doktor, jururawat dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini. Ticlopidine atau clopidogrel boleh meningkatkan risiko pendarahan serius semasa pembedahan termasuk pembedahan gigi. Anda mungkin perlu menghentikan pengambilan ubat sebelum pembedahan.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubatan lain, jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika ada berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, hamil atau mungkin hamil semasa khusus rawatan dengan ubat ini.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.